



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: Bil. (49) dlm. KKM 87 (P13 224) Bkg 5

Tarikh: 29 April 2002

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Hospital _____

Dato'/Tuan/Puan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 3/2002: Gelaran Rasmi Bagi Pakar-Pakar

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai definisi gelaran rasmi bagi Pakar-Pakar yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Latar belakang

2.1 Seorang pakar adalah seorang yang boleh mengamalkan kepakaran dalam satu bidang perubatan secara "independent". Dalam konteks Kementerian Kesihatan Malaysia, definisi Pakar ataupun Pakar Perunding tidak berapa jelas dan secara lazimnya bergantung kepada Gred Pegawai tersebut dan bukannya pengalaman.

2.2 Pada masa kini Pakar-Pakar di Gred U3 di gelar Pakar Klinikal sementara Pakar-Pakar di Gred U2 di gelar Pakar Perunding. Designasi Pakar

Perunding Kanan pula kurang jelas. Setelah mengambil kira tempoh kerja yang akan menunjukkan pengalaman seseorang Pakar, pihak Kementerian telah pun menyediakan gelaran rasmi yang selaras dengan pengalaman seseorang pakar, seperti di Bahagian 4.

3. Definasi Pakar

Pakar adalah seorang Pegawai Perubatan yang mempunyai kelulusan kepakaran yang diiktirafkan dan telah di wartakan sebagai Pakar.

4. Gelaran Pakar

4.1 DESIGNASI PAKAR (SPECIALIST)

Designasi Pakar adalah untuk seorang Pakar yang berada di Gred U3 atau Gred U2, dan mempunyai tempoh pengalaman berkhidmat selama 5 tahun atau kurang selepas diwartakan.

4.2 DESIGNASI PAKAR PERUNDING (CONSULTANT)

Designasi Pakar Perunding adalah untuk seorang Pakar yang berada di Gred U1 dan mempunyai tempoh pengalaman berkhidmat lebih daripada 5 tahun hingga ke 10 tahun selepas diwartakan.

4.3 DESIGNASI PAKAR PERUNDING KANAN (SENIOR CONSULTANT)

Designasi Pakar Perunding Kanan adalah untuk seorang Pakar yang berada di Gred U1 atau Gred Khas dan mempunyai tempoh pengalaman berkhidmat lebih daripada 10 tahun selepas diwartakan.

5. Tindakan

Sila pastikan semua Pakar-Pakar menggunakan gelaran rasmi berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan ianya adalah efektif dengan serta merta.

6. Pertanyaan

Sila kemukakan segala pertanyaan mengenai pekeliling ini kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang ikhlas,



(DATU DR. HAJI MOHAMAD TAHA BIN ARIF)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

- sk:
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (P)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (KA)
 - Timbalan Ketua Pengarah (P & ST)
 - Semua Ketua Bahagian